

# Seramai 35 kakitangan UMS-KAL jayakan Kursus Pengurusan Masa

UB 13-06-2012 B3



**S**ERAMAI 35 kakitangan sokongan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Kursus Pengurusan Masa Siri 3/2012 di Bilik Mesyuarat

**HUZILI (lima dari kanan) bersama peserta Kursus Pengurusan Masa di Bilik Mesyuarat Eksekutif UMS Kampus Antarabangsa Labuan.**

Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara UMS-KAL pada 11 hingga 12 Jun 2012.

Kursus dua hari itu dikendalikan oleh Pensyarah Kanan, Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Huzili Hussin.

Huzili berkata kursus itu bertujuan untuk mengurus masa dengan efektif dan sistematik serta menerapkan kecekalan diri

dan perubahan dalam diri kakitangan.

Selain itu, ianya juga mengajar merancang untuk membuat keputusan dalam waktu yang singkat dengan memperolehi keputusan yang tepat.

Kursus itu dianjurkan Unit Pembangunan Profesional (Bukan Akademik), Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UMS dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran UMS-KAL.